

Oleh HANIZA HASSAN

**U**NIVERSITI Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menubuhkan Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (IASWJ), sebuah pusat penyelidikan tentang fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan penglibatan para ulama, pemikir dan ahli akademik.

Idea penubuhan IASWJ itu tercetus apabila Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang juga Canselor UTHM menitahkan supaya institusi di negeri ini menyediakan sebuah pusat bagi meningkatkan kefahaman dan penghayatan ajaran agama berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Sultan Johor bertitah demikian semasa Majlis Multaqa Ulama dan Ilmuan Johor sempena Hari Keputeraan baginda pada tahun 2012.

Selaras dengan misi UTHM iaitu komited mewujud dan menyebarkan pengetahuan bagi memenuhi keperluan industri, komuniti dan modal insan yang kreatif berdasarkan paradigma tauhid, penubuhan IASWJ dilihat amat relevan dan seiring dengan objektif penubuhannya.

UTHM memberitahu bahawa penubuhan IASWJ yang dilihat amat tepat pada masanya memandangkan penularan pelbagai fahaman songsang seperti ajaran Syiah yang semakin berleluasa itu turut mendapat sokongan padu daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ).

Antara objektif penubuhan IASWJ termasuk menjadi pusat penyelidikan yang menghimpunkan semua ilmuan dan menjadi institut pengumpulan dokumen serta pengurusan data hasil penyelidikan yang akan diterbitkan untuk rujukan pihak kerajaan serta swasta.


IASWJ yang telah dibangunkan selama dua tahun itu memberi fokus kepada lima komponen utama yang boleh dimanfaatkan iaitu Pusat Sumber Digital, Klinik Hukum, Klinik Terapi Solat, Klinik Terapi Haji dan Klinik Kerohanian.

Baru-baru ini, UTHM telah melancarkan Pusat Sumber Digital Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mampu memuatkan sehingga 15,000 kandungan buku, jurnal dan manuskrip untuk rujukan penuntut dan masyarakat.

UTHM bekerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta untuk membangunkan pusat sumber maya pertama di Asia Tenggara dengan memastikan kandungan buku digital itu selari fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah.



**Ideas penubuhan IASWJ itu tercetus apabila Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang juga Canselor UTHM menitahkan supaya institusi di negeri ini menyediakan sebuah pusat bagi meningkatkan kefahaman dan penghayatan ajaran agama berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.**



MENTERI Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh melancarkan Pusat Sumber Digital Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (IASWJ) sambil disaksikan Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin selepas majlis pelancaran pusat sumber itu pada awal November lalu.

Usaha meningkatkan kefahaman, penghayatan ajaran agama Islam

## UTHM tubuh Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah



IDRIS JUSOH mencuba aplikasi yang ada di Pusat Sumber Digital Ahli Sunnah Wal Jamaah.